YAYASAN SELANGOR
197001000833 (10096-K)

E-NEWSLETTER

PENDIDIKAN UNGGUL : MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN



KONVENSYEN MAHASISWA SELANGOR LUAR NEGARA: AUSTRALIA 2026

Yayasan Selangor telah berkolaborasi dalam menjayakan Konvensyen Mahasiswa Selangor Luar Negara: Australia 2026 yang menghimpunkan mahasiswa anak Selangor di pelbagai institusi pengajian tinggi di Australia. Konvensyen ini menjadi platform memperkukuh jaringan antara mahasiswa, Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan, di samping memberi pendedahan berkaitan kepimpinan, pembangunan modal insan, kerjaya, inovasi dan keusahawanan. Penganjuran ini turut menyokong usaha memperkasa mahasiswa sebagai pemimpin masa hadapan serta menggalakkan sumbangan mereka kepada pembangunan Negeri Selangor dan negara.



JERAYAWARA SISWA KITASELANGOR ZON SELATAN

Yayasan Selangor bersama Jawatankuasa Tetap Pendidikan & Modal Insan Negeri Selangor telah menganjurkan Jerayawara Siswa KITASelangor Zon Selatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru dengan kerjasama strategik YMBI, SIDEC, PPAS dan UTM.

E-NEWSLETTER



AGENDA

LAMAN 6

PROGRAM JEJAK-DAFTAR MANFAAT TAWAS 2026 DAN LITERASI PENDIDIKAN LEPASAN SPM DUN RAWANG

Yayasan Selangor menyertai Program Jejak-Daftar Manfaat TAWAS 2026 dan Literasi Pendidikan Lepasan SPM DUN Rawang yang telah dirasmikan oleh YB Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada lepasan SPM mengenai peluang melanjutkan pengajian, latihan kemahiran serta pelbagai inisiatif bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan agensi berkaitan.

LAMAN 8

KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN SELANGOR KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Yayasan Selangor mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai usaha memperkukuh hubungan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi dalam memperkasakan agenda pembangunan pendidikan tinggi dan pembangunan mahasiswa, khususnya anak-anak Selangor.

LAMAN 12

PERKAMPUNGAN MENARA GADING SELANGOR (PMGS) 2026

Perkampungan Menara Gading Selangor (PMGS) 2026 menghimpunkan 130 lepasan SPM, STPM dan STAM bagi memberi pendedahan awal mengenai kehidupan di institusi pengajian tinggi melalui pengisian pembangunan sahsiah, kepimpinan dan hala tuju pendidikan.

LAMAN 15

PROGRAM SESI TAKLIMAT KOLABORASI PROGRAM HOSPITALITI BERSAMA RAKAN STRATEGIK DHS HOSPITALITY ACADEMY

Sesi Taklimat Kolaborasi Program Hospitaliti anjuran SELTEC dengan kerjasama BPMI Yayasan Selangor bersama DHS Hospitality Academy merupakan platform membincangkan cadangan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan hospitaliti, meliputi pelaksanaan program, pembiayaan, kuota tajaan dan peranan pihak terlibat. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperluas peluang pendidikan dan pembangunan kemahiran, khususnya kepada belia Selangor, sekali gus meningkatkan kompetensi serta kebolehpasaran dalam industri hospitaliti.



KONVENSYEN MAHASISWA SELANGOR LUAR NEGARA: AUSTRALIA 2026

Yayasan Selangor telah berkolaborasi dalam menjayakan Konvensyen Mahasiswa Selangor Luar Negara: Australia 2026, yang menghimpunkan mahasiswa anak Selangor daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Australia. Konvensyen ini menjadi platform untuk memperkukuh jaringan antara mahasiswa, Kerajaan Negeri Selangor dan agensi berkaitan, di samping membincangkan isu semasa, pembangunan diri serta peranan mahasiswa sebagai pemimpin masa hadapan.



Pelbagai pengisian telah disediakan termasuk forum, dialog kepimpinan, perkongsian pengalaman akademik serta perbincangan berkaitan pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan. Para peserta turut berpeluang memperluaskan jaringan profesional serta mendapatkan pendedahan berkaitan kerjaya, inovasi dan keusahawanan. Penganjuran konvensyen ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa mahasiswa anak Selangor di luar negara, selain memupuk semangat perpaduan, kepimpinan dan kecemerlangan serta menggalakkan sumbangan mereka kepada pembangunan Negeri Selangor dan negara.



MAJLIS PENUTUP KEM JATI DIRI YAYASAN SELANGOR MURID TINGKATAN 2 RKPYS



Majlis Penutup Kem Jati Diri Yayasan Selangor dilaksanakan bagi Murid Tingkatan 2 Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) selepas program selama 2 hari 1 malam berjaya dilaksanakan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Puan Sabariah Abdul, Pengurus Bahagian Operasi Pendidikan Yayasan Selangor, yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor.

Program ini menghimpunkan seramai 88 orang murid daripada MITS Alam Impian, SAMT Tengku Ampuan Jemaah, SAM Sultan Hisamuddin dan SMK Ampang Pecah. Kem ini bertujuan memperkukuh jati diri, membentuk sahsiah, memupuk semangat kepimpinan, disiplin serta kerjasama dalam kalangan peserta melalui pelbagai aktiviti pembangunan kendiri.



Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam melahirkan generasi pelajar yang berakhlak mulia, berdaya saing dan memiliki ciri-ciri kepimpinan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara. Yayasan Selangor turut merakamkan penghargaan kepada semua urus setia, fasilitator, guru pengiring serta semua pihak yang telah menjayakan program ini.





PROGRAM KORBAN PERDANA YAB DATO' MENTERI BESAR BERSAMA-SAMA AKTIVIS MUDA DAN MAHASISWA

Program Korban Perdana YAB Dato' Menteri Besar Bersama Aktivis Muda dan Mahasiswa dilaksanakan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha bagi menyemarakkan semangat kesukarelawanan, kebersamaan dan nilai pengorbanan dalam kalangan generasi muda. Program ini menghimpunkan aktivis muda, mahasiswa serta komuniti setempat dengan penglibatan YAB Dato' Menteri Besar sebagai tanda komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh hubungan bersama golongan belia melalui aktiviti kemasyarakatan.



Sepanjang program, peserta berganding bahu melaksanakan proses penyembelihan, melapah, pembungkusan dan pengagihan daging korban kepada golongan yang memerlukan. Selain memastikan kelancaran pelaksanaan ibadah korban mengikut syariat Islam, program ini turut berjaya memupuk semangat kerjasama, tanggungjawab dan keprihatinan sosial, sekali gus mengeratkan hubungan antara pemimpin, mahasiswa, aktivis muda dan masyarakat setempat.





PROGRAM JEJAK-DAFTAR MANFAAT TAWAS 2026 DAN LITERASI PENDIDIKAN LEPASAN SPM DUN RAWANG

Yayasan Selangor terus memperkukuh komitmen dalam memperkasa pendidikan generasi muda melalui penyertaan dalam Program Jejak-Daftar Manfaat TAWAS 2026 dan Literasi Pendidikan Lepasan SPM DUN Rawang. Program yang telah dirasmikan oleh YB Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang, ini menjadi wadah untuk memperkenalkan kepada para lepasan SPM pelbagai peluang pendidikan, latihan kemahiran serta inisiatif bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan agensi berkaitan.





Melalui kerjasama strategik bersama DHS Hospitality Academy, Yayasan Selangor turut memperkenalkan program pendidikan dan latihan kemahiran dalam bidang hospitaliti yang memberi peluang kepada belia untuk meningkatkan kemahiran, kebolehpasaran serta memperoleh laluan kerjaya yang lebih terjamin.

Penyertaan Yayasan Selangor dalam program ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa pembangunan modal insan melalui penyediaan akses kepada pendidikan berkualiti, latihan kemahiran dan peluang pembangunan kerjaya demi melahirkan generasi belia yang berdaya saing serta memenuhi keperluan industri.



KEM GENERASI YAYASAN SELANGOR TINGKATAN 1 2026



Yayasan Selangor telah menganjurkan Kem Generasi Yayasan Selangor Tingkatan 1 2026 yang berlangsung selama dua hari di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, dengan penyertaan seramai 108 orang pelajar daripada Asrama Pusat Yayasan Selangor.

Program tersebut dianjurkan bagi membentuk sahsiah dan meningkatkan disiplin diri dalam kalangan pelajar, di samping memupuk nilai kepimpinan, kerjasama serta keyakinan diri. Penganjuran kem ini turut menjadi platform persediaan kepada para pelajar yang baru melangkah ke alam persekolahan menengah dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran dan cabaran baharu.

Sepanjang program, peserta mengikuti pelbagai aktiviti pembangunan diri, latihan berkumpulan dan modul motivasi yang dirangka bagi memperkukuh nilai kepimpinan, perpaduan serta semangat kekitaan.

Majlis penutupan disempurnakan oleh YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, yang turut menyampaikan amanat agar pelajar sentiasa berdisiplin, berani mencuba dan memanfaatkan peluang pendidikan yang disediakan demi mencapai kecemerlangan akademik dan kokurikulum.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam melaksanakan pembangunan pelajar secara holistik bagi melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berdaya saing dan mampu menjadi pemimpin masa hadapan.





KUNJUNGAN HORMAT MPP UiTM SELANGOR KE YAYASAN SELANGOR

Yayasan Selangor menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor dalam satu sesi perbincangan strategik yang berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Selangor. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam usaha merancang pelaksanaan program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada mahasiswa, khususnya anak-anak Selangor.

Sesi perbincangan yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Yayasan Selangor bersama barisan kepimpinan MPP UiTM Cawangan Selangor turut membincangkan potensi kerjasama dalam pelbagai inisiatif pembangunan pendidikan, kepimpinan, kesukarelawanan dan kesejahteraan mahasiswa. Perkongsian pandangan serta cadangan daripada kedua-dua pihak mencerminkan komitmen bersama untuk melahirkan generasi muda yang berilmu, berdaya saing, berintegriti dan mempunyai semangat kepimpinan yang tinggi.



Melalui kunjungan ini, Yayasan Selangor terus memperkukuhkan peranannya sebagai peneraju pembangunan pendidikan negeri dengan memperluaskan jaringan kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi.

Inisiatif ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pelaksanaan program-program berkualiti yang mampu meningkatkan potensi mahasiswa serta menyumbang kepada pembangunan modal insan dan kemajuan Negeri Selangor.



SUBUH MACAM JUMAAT MAHASISWA UITM PUNCAK ALAM

Program Subuh Macam Jumaat Mahasiswa UiTM Puncak Alam berjaya dilaksanakan hasil kerjasama antara Yayasan Selangor, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Puncak Alam, Team Alif Satar dan Masjid Puncak Alam. Program ini bertujuan menyemarakkan budaya mengimarahkan masjid dalam kalangan mahasiswa serta menggalakkan penyertaan golongan muda dalam aktiviti kerohanian dan kemasyarakatan. Program yang berlangsung pada waktu Subuh ini mendapat sambutan seramai 3000 orang peserta daripada mahasiswa, penduduk setempat dan pelbagai lapisan masyarakat yang hadir untuk bersama-sama menunaikan solat berjemaah serta mengikuti pengisian yang telah disediakan.

Sepanjang program berlangsung, peserta mengikuti pelbagai pengisian bermanfaat termasuk solat Subuh berjemaah, tazkirah motivasi, sesi perkongsian inspirasi dan aktiviti santai yang menekankan kepentingan pembinaan sahsiah, kepimpinan serta pengukuhan ukhuwah.



Program ini bukan sahaja berjaya mendekatkan mahasiswa kepada institusi masjid, malah turut memperkukuhkan hubungan silaturahim antara agensi penganjur, mahasiswa dan komuniti setempat. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dengan jayanya serta berjaya memupuk semangat cintakan masjid, menggalakkan gaya hidup berteraskan nilai Islam dan memperkasakan peranan mahasiswa sebagai agen perubahan dalam masyarakat.





KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN SELANGOR KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Yayasan Selangor mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai usaha memperkukuh hubungan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi dalam memperkasakan agenda pembangunan pendidikan tinggi dan pembangunan mahasiswa, khususnya anak-anak Selangor.

Kunjungan ini bertujuan membincangkan pelbagai inisiatif berkaitan pendidikan tinggi Kerajaan Negeri Selangor serta memperluaskan kerjasama dalam pelaksanaan program pembangunan mahasiswa yang berimpak tinggi. Perbincangan turut memberi penekanan kepada usaha menyantuni mahasiswa anak Selangor, memperkukuh jaringan strategik antara institusi, menyampaikan aspirasi pembangunan belia serta menyediakan platform komunikasi dua hala bagi memperkasa pembangunan modal insan secara bersepadu.

Delegasi Yayasan Selangor diketuai oleh Encik Muhamad Tassim Zainal, Pengarah Pendidikan Yayasan Selangor, dan turut disertai Encik Azri Hohad, Ketua Timbalan Pendaftar, bersama wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sesi kunjungan berlangsung dalam suasana penuh muhibah dan profesional, sekali gus membuka ruang kepada pelaksanaan lebih banyak kolaborasi strategik pada masa hadapan.

Selaras dengan aspirasi Yayasan Selangor sebagai peneraju pembangunan pendidikan negeri, kunjungan ini diharapkan dapat memperkukuh sinergi antara institusi pendidikan tinggi dan agensi berkaitan dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, berintegriti serta mampu menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor dan negara.



MAJLIS APRESIASI SPM 2025 PARLIMEN SHAH ALAM DAN DUN BATU TIGA







Yayasan Selangor menyertai Majlis Apresiasi SPM 2025 Parlimen Shah Alam dan DUN Batu Tiga yang berlangsung di Sungai Renggam Convention Centre sebagai tanda penghargaan kepada 150 orang pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan 7A hingga 11A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025.

Majlis yang disempurnakan oleh YB Tuan Azli Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam, ini bertujuan menghargai kecemerlangan akademik pelajar serta memberi pendedahan mengenai hala tuju pendidikan tinggi, latihan kemahiran dan peluang kerjaya kepada lepasan SPM. Turut berlangsung Program Jejak-Daftar Permohonan Manfaat TAWAS 2026 dan Literasi Pendidikan Lepasan SPM bagi membantu pelajar dan ibu bapa mendapatkan maklumat berkaitan laluan pendidikan.

Sepanjang program, Yayasan Selangor membuka kaunter pameran bersama beberapa institusi pendidikan dan latihan kemahiran termasuk Universiti Islam Selangor (UIS), Universiti Selangor (UNISEL), Selangor Technical Development Centre (STDC) dan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC). Turut diperkenalkan ialah Program Hospitaliti Tajaan Penuh DHS dengan kerjasama Yayasan Selangor, yang menawarkan peluang pendidikan, latihan dan penempatan pekerjaan kepada lepasan SRP/SPM serta belia B40.

Penyertaan Yayasan Selangor dalam program ini mencerminkan komitmen berterusan dalam menyokong pembangunan modal insan dan membantu generasi muda merancang masa depan pendidikan serta kerjaya yang lebih cemerlang.



PERKAMPUNGAN MENARA GADING SELANGOR (PMGS) 2026



Yayasan Selangor dengan kerjasama Persatuan Pelajar Islam Selangor Darul Ehsan (PEPIAS), Universiti Islam Selangor (UIS), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) dan SALWA telah menganjurkan Perkampungan Menara Gading Selangor (PMGS) 2026 yang berlangsung pada 5 hingga 7 Jun 2026 di Universiti Islam Selangor (UIS). Program ini telah menghimpunkan seramai 130 orang lepasan SPM, STPM dan STAM sebagai persediaan awal sebelum melangkah ke institusi pengajian tinggi.



Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kehidupan sebagai mahasiswa serta membantu mereka merancang hala tuju pendidikan dengan lebih jelas melalui pelbagai pengisian yang memfokuskan pembangunan sahsiah, kepimpinan, pengurusan kewangan, peluang biasiswa dan bantuan pendidikan, di samping meningkatkan daya tahan serta kemahiran insaniah.



Program turut melibatkan kerjasama strategik daripada rakan-rakan penganjur dan institusi pendidikan dalam usaha memperkasa pembangunan modal insan. Penganjuran PMGS 2026 mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam menyediakan platform pembangunan generasi muda yang berilmu, berkeyakinan dan berdaya saing sebagai persediaan menghadapi cabaran pendidikan tinggi serta dunia pekerjaan pada masa hadapan.



SLOT BICARA ILMU YAYASAN SELANGOR DI PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2026

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, menyampaikan Slot Bicara Ilmu di Pentas Utama Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2026, dengan mengetengahkan naratif transformasi Yayasan Selangor sebagai sebuah institusi hibrid yang memperkasakan pembangunan modal insan melalui pendidikan, latihan kemahiran dan kebolehpasaran.



Inisiatif ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing dan memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

Turut hadir ialah wakil Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), rakan-rakan industri serta para pengunjung PBAKL 2026. Melalui penyertaan ini, Yayasan Selangor berharap dapat terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik serta menggalakkan sokongan kepada Tabung Pendidikan Yayasan Selangor bagi memastikan akses kepada pendidikan berkualiti terus diperkasa demi manfaat generasi akan datang.

Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi pelbagai inisiatif strategik Yayasan Selangor, antaranya tajaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui Advanced Technical Centre (ATC), program latihan hospitaliti DHS untuk pelajar keciciran, serta program pemerkasaan guru melalui pensijilan profesional dan tajaan pengajian pascasiswazah.



MAJLIS APRESIASI DAN INSPIRASI LEPASAN SPM 2025 DUN SUNGAI KANDIS

Yayasan Selangor berkolaborasi dalam penganjuran Majlis Apresiasi dan Inspirasi Lepasan SPM 2025 DUN Sungai Kandis yang berlangsung di Dewan Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin, Kampung Jawa, Klang.



Program ini turut menampilkan Program Jejak-Daftar Manfaat TAWAS 2026 dan Literasi Pendidikan Lepasan SPM sebagai platform memberi pendedahan kepada lepasan SPM mengenai hala tuju pendidikan, peluang melanjutkan pengajian, laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), tajaan serta bantuan pendidikan.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Selangor Technical Development Centre (STDC), Universiti Islam Selangor (UIS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) turut menyediakan sesi tuntutan bayaran Manfaat TAWAS kepada penerima yang layak di DUN Sungai Kandis. Yayasan Selangor juga membuka reruai pameran bagi menyampaikan maklumat berkaitan peluang pendidikan, bantuan serta pelbagai inisiatif yang ditawarkan kepada anak-anak Selangor.

Melalui penyertaan dalam program ini, Yayasan Selangor terus memperkukuh komitmennya dalam memperkasa agenda pendidikan dan pembangunan modal insan bagi melahirkan generasi yang berilmu, berkemahiran serta berdaya saing selaras dengan aspirasi pembangunan Negeri Selangor.





PROGRAM SESI TAKLIMAT KOLABORASI PROGRAM HOSPITALITI BERSAMA RAKAN STRATEGIK DHS HOSPITALITY ACADEMY

Selangor Outdoor Training & Education Center (SELTEC) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Modal Insan (BPMI) Yayasan Selangor menganjurkan Sesi Taklimat Kolaborasi Program Hospitaliti bersama DHS Hospitality Academy yang berlangsung di Dewan Tingkat 16, Ibu Pejabat Yayasan Selangor.

Sesi ini menghimpunkan wakil daripada bahagian-bahagian yang berkaitan bagi membincangkan cadangan kerjasama strategik dalam pembangunan pendidikan hospitaliti. Turut hadir ialah En. Aminalrashid Mohd Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), International College of Yayasan Melaka (ICYM).







Program ini merupakan susulan kepada perbincangan awal antara Yayasan Selangor dan DHS Hospitality Academy bagi memperincikan model kerjasama dalam bidang pendidikan hospitaliti. Sepanjang sesi berlangsung, peserta diberikan penerangan mengenai mekanisme pelaksanaan program, struktur pembiayaan, kuota tajaan serta peranan setiap pihak dalam memastikan pelaksanaan inisiatif ini dapat dilaksanakan secara terancang dan berkesan.

Penganjuran sesi taklimat ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik bersama rakan industri, sekali gus memperluaskan peluang pembangunan pendidikan dan kemahiran yang berimpak tinggi. Inisiatif ini diharap dapat membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat, khususnya belia di Negeri Selangor, untuk meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran dalam industri hospitaliti.

JERAYAWARA SISWA KITASELANGOR ZON SELATAN



Yayasan Selangor bersama Jawatankuasa Tetap Pendidikan & Modal Insan Negeri Selangor telah menganjurkan Jerayawara Siswa KITASelangor Zon Selatan yang berlangsung di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru. Program ini turut mendapat kerjasama strategik daripada Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (YMBI), Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEC), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai tuan rumah.

Program yang merupakan siri ketujuh Jerayawara Siswa KITASelangor ini bertujuan mendekati mahasiswa anak Selangor, mendengar aspirasi mereka serta memperkukuh pembangunan pendidikan, kebajikan dan modal insan.



Antara pengisian utama termasuk sesi dialog bersama mahasiswa, peluncuran Inisiatif Data Internet Selangor, penyampaian Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT), penyerahan bendera kontinjen LASKAR 2026 serta perasmian Majlis Mahasiswa Selangor (MaSEL) UTM.

Program ini disempurnakan oleh YB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, dan turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi strategik Kerajaan Negeri Selangor, pengurusan Yayasan Selangor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta mahasiswa dan mahasiswi anak Selangor.

Melalui penganjuran program ini, Yayasan Selangor terus komited memperkukuh jaringan strategik bersama institusi pengajian tinggi dalam melahirkan mahasiswa yang berdaya saing, berpengetahuan dan bersedia menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor.



JEMPUTAN SESI ATTACHMENT DARI WAKIL JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

Yayasan Selangor menerima kunjungan daripada wakil Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) bersama perunding latihan, MPS Associates, bagi mengadakan Sesi Attachment Program Bimbingan Peningkatan Produktiviti Melalui Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) Tahun 2026 (BPLWS 2026).



Sesi ini melibatkan penyertaan seramai 18 peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Sumber Manusia Yayasan Selangor serta warga Bahagian Pengurusan Modal Insan. Program tersebut merupakan susulan kepada pelaksanaan BPLWS 2026 yang telah berlangsung pada 3 hingga 5 Februari 2026, bertujuan memperkukuh pelaksanaan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) di Yayasan Selangor.

Sepanjang sesi berlangsung, pihak JPPM memberikan bimbingan teknikal lanjutan kepada Ahli Jawatankuasa PLWS Yayasan Selangor di samping mengadakan perbincangan berkaitan isu, cabaran serta cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PLWS selaras dengan amalan pengurusan sumber manusia yang lebih produktif dan mampan.

Turut hadir sebagai wakil jemputan ialah Encik Mohd Lizuan Abd Latif, Perunding Latihan, MPS Associates, serta Pn. Norhakimah binti Saliudin, Penolong Pengarah, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPP) Putrajaya.

Penganjuran sesi ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperkukuh tadbir urus sumber manusia melalui pelaksanaan sistem pengurusan yang berteraskan produktiviti, sekali gus menyokong agenda pembangunan organisasi yang lebih berdaya saing.



PROGRAM GOTONG-ROYONG KECERIAAN RUANG PEJABAT IBU PEJABAT YAYASAN SELANGOR

Bahagian Pengurusan Modal Insan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Kemudahan telah menganjurkan Program Gotong-Royong Keceriaan Ruang Pejabat Ibu Pejabat Yayasan Selangor sebagai salah satu inisiatif dalam mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, selamat, kemas dan ceria.



Program yang disertai oleh 10 orang peserta terdiri daripada warga kerja Bahagian Pengurusan Modal Insan (BPMI) dan Bahagian Pengurusan Kemudahan ini bertujuan meningkatkan tahap kebersihan, keselamatan, kekemasan serta keceriaan ruang pejabat, khususnya di kawasan tangga dan ruang bersama di Ibu Pejabat Yayasan Selangor.

Selain memperindahkan persekitaran pejabat, program ini turut berperanan mewujudkan suasana kerja yang lebih kondusif, selesa dan profesional, selaras dengan usaha memperkukuh imej korporat Yayasan Selangor. Aktiviti gotong-royong yang dijalankan juga menjadi platform untuk memupuk semangat kerjasama, sikap prihatin serta rasa tanggungjawab dalam kalangan warga kerja terhadap aspek kebersihan, keselamatan dan penyelenggaraan kemudahan organisasi.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam memperkukuh pembangunan modal insan secara holistik.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam membudayakan amalan kerja berkualiti serta memperkasakan budaya organisasi yang menitikberatkan kebersihan, kesejahteraan dan semangat kerja berpasukan demi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih produktif dan lestari.iritual, pendidikan dan kemasyarakatan selaras dengan aspirasi melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

MAJLIS JAMUAN PENGHARGAAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA (AJK) PROGRAM-PROGRAM PERDANA YAYASAN SELANGOR



Bahagian Pengurusan Modal Insan menganjurkan Majlis Jamuan Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Program-Program Perdana Yayasan Selangor yang berlangsung di Jibril, Subang. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi dan kerjasama cemerlang dalam menjayakan pelbagai program utama Yayasan Selangor. Antara program yang diraikan ialah Hi-Tea Warga Kerja Yayasan Selangor 2025, Program Ihya Ramadan Yayasan Selangor 2026 dan Majlis Sambutan Hari Raya Yayasan Selangor 2026.

Majlis ini melibatkan penyertaan wakil daripada setiap bahagian di Yayasan Selangor yang telah memainkan peranan penting sebagai Ahli Jawatankuasa dalam memastikan setiap program dirancang dan dilaksanakan dengan lancar, tersusun serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengiktirafan ini merupakan penghargaan terhadap sumbangan dan komitmen berterusan mereka dalam menyokong kejayaan penganjuran program-program rasmi Yayasan Selangor



Penganjuran majlis ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam membudayakan amalan menghargai jasa dan sumbangan warga kerja di samping memperkukuh semangat kerja berpasukan, kerjasama antara bahagian serta hubungan silaturahim dalam organisasi. Inisiatif ini diharap dapat terus menyuntik motivasi kepada warga kerja untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi merealisasikan aspirasi dan kecemerlangan Yayasan Selangor.



RAKAN STRATEGIK

TABUNG PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR



Yayasan Selangor mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta dan organisasi korporat ke Tabung Pendidikan Yayasan Selangor sebagai usaha bersama memperkasa akses pendidikan berkualiti untuk murid yang memerlukan di negeri Selangor. Sumbangan yang disalurkan ke tabung ini layak mendapat pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.




Untuk maklumat lanjut mengenai Tabung Pendidikan Yayasan Selangor, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat
Tel : 03- 76691 1118 / 210
Emel : kke@yselangor.com



Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan *(Company Limited By Guarantee)* tanpa modal saham. Penubuhannya bertujuan untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bagi rakyat negeri Selangor, khususnya golongan berpendapatan rendah yang memiliki potensi cemerlang.

Sejak penubuhannya, Yayasan Selangor kekal komited dalam memainkan peranan strategik membangunkan modal insan negeri melalui pelbagai program pendidikan inklusif dan berimpak tinggi. Menerusi pendekatan ini, Yayasan Selangor terus menjadi pemangkin utama dalam memperkasa generasi muda demi masa depan Selangor yang lebih gemilang.



IMBAS SAYA

SCAN ME

YAYASAN SELANGOR
10096-K

Bahagian Komunikasi Korporat
Menara Yayasan Selangor,
Tingkat 14,
No 18 A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Yayasan Selangor Yayasanselangorofficial yselangorportal YS TikTok